

Mengukuhkan Nadi Kepustakawanan Di Dalam Hati Masyarakat Malaysia

(STRENGTHENING THE PULSE OF LIBRARIANSHIP IN THE HEART OF MALAYSIAN PEOPLE)

Muhammad Akmal Ahmat

Bahagian Rujukan & Penyelidikan, Perpustakaan Hamzah Sendut

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang, Malaysia

akmal_ahmat@usm.my

Abstract - The importance of library science field in the community life especially in this digital age has always been a debate academically and also in everyday conversation. A number of the community seemed to be less dependent on the services offered by the library and are less concerned about the skills available in a librarian to access and obtain the validity of the information. However, such things will not affect to the librarians if the several strategies that focus and collectively implemented by librarians to win back the hearts of reliability among the majority of the Malaysian people towards the field of librarianship at all levels from the upscale to the bottom billion were well performed.

Abstrak – Kepentingan bidang sains perpustakaan dalam kehidupan masyarakat pada zaman digital ini sering menjadi perdebatan secara ilmiah mahupun cakap-cakap kosong. Sebilangan masyarakat dilihat semakin kurang bergantung kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan dan kurang peduli tentang kemahiran yang ada pada seseorang pustakawan untuk mengakses dan mendapatkan kesahihan maklumat. Namun, perkara sebegini tidak akan menjejaskan pustakawan sekiranya beberapa strategi pelaksanaan dapat dilakukan secara kolektif dengan fokus kepada kaedah memenangi kembali nilai kebolehpercayaan dikalangan majoriti hati masyarakat Malaysia terhadap bidang kepustakawanan disemua peringkat daripada peringkat kelas atasan hingga kepada golongan terkebahawah.

Kata Kunci: Kompetensi Kepustakawanan, Masa Depan Pustakawan, Persepsi Masyarakat.

Kebanyakan bidang kerjaya bertaraf professional telah dijamin mandat dan kuasanya oleh beberapa peruntukan akta termasuk juga piawaian kod pekerjaan antarabangsa. Sebagai contoh, kerjaya profesional peguam sendiri mempunyai peruntukan akta iaitu Akta Profesion Undang-Undang 1976 (Akta 166). Akta tersebut telah memperuntukkan kaedah bagaimana seseorang peguam itu dilantik dan etika yang perlu diikuti. Manakala di peringkat antarabangsa pula, satu piawaian yang dikenali sebagai *International Standard Classification of Occupations (ISCO-08)* telah menjadi dokumen penting untuk mengiktiraf sesuatu bidang kerjaya dan pekerjaan. Piawaian yang diterbitkan oleh International Labour Office (ILO), United Nation ini diterima pakai oleh kerajaan di pelbagai negara termasuk Malaysia (Greenwood, A. M., 2004). Piawaian ini juga menggariskan beberapa kriteria minima secara mandatori tentang keperluan setiap kumpulan pekerjaan bermula daripada peringkat atasan pengurusan tertinggi, profesional kelas menengah hingga ke peringkat sokongan dan

terkebawah. Seterusnya, piawaian ini menyenaraikan ketetapan sesuatu bidang tugas bagi setiap kod pekerjaan. Piawaian ini perlu diikuti oleh kerajaan sesebuah negara yang telah bersetuju untuk mengamalkan penjagaan hak-hak dan kualiti profesional bagi setiap bidang pekerjaan. Piawaian ini sangat berguna sebagai panduan utama dalam melindungi kredibiliti profesion bidang-bidang tertentu terutama untuk bidang pekerjaan yang mempunyai risiko tinggi daripada sudut keselamatan dan kesihatan. Setiap negara perlu menguatkuasakan piawaian kod perkerjaan tersebut sama ada melalui kementerian sumber manusia atau badan berkuasa profesional berkaitan. Sebagai contoh, Kementerian Sumber Manusia Malaysia mengadaptasi piawaian tersebut dan menamakan dokumen seumpamanya sebagai *Malaysia Standard Classification of Occupations 2008 (MASCO 2008)*. Kedua-dua piawaian ini sebenarnya dijadikan panduan induk oleh badan-badan berkuasa professional tertentu seperti Majlis Peguam Malaysia dan Lembaga Jurutera Malaysia dalam menjaga hal ehwal profesionalisme dan prestij profesion mereka melalui akta yang sedia ada.

Berlainan pula dengan bidang kepustakawanan, badan profesional yang ada kuasa mengawal selia kredibiliti dan kualiti perjawatan pustakawan di Malaysia masih belum dapat diwujudkan melalui Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Kewujudan Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80), Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan Enakmen Perpustakaan Awam Negeri-negeri di seluruh Malaysia sebenarnya lebih fokus kepada penguatkuasaan infrastruktur dan infostruktur perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan awam di setiap negeri sahaja. Namun, peruntukan undang-undang tersebut masih tidak secara jelas menghuraikan mandat bidang kepustakawanan secara menyeluruh. PPM pernah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Pengwujudan Akta Pustakawan pada tahun 2005 hingga 2008 dalam usaha memartabatkan tahap profesionalisme bidang kepustakawanan ke tahap yang lebih tinggi. Jawatankuasa gerak kerja yang baik ini telah berusaha memohon penggubalan akta khas bagi menjaga profesionalisme pustakawan melalui pejabat Peguam Negara. Namun, usaha tersebut sehingga kini menghadapi jalan buntu.

Ketiadaan akta yang jelas untuk memberi mandat kepada pustakawan ini dalam memperkasakan bidang sains maklumat telah mewujudkan persepsi sebilangan masyarakat Malaysia yang memandang rendah profesion bidang kepustakawanan. Sebilangan masyarakat ini seakan tidak tahu atau lupa betapa pentingnya peranan pustakawan terutama dalam mengesahlaku ketulenan dan kesahihan sesuatu maklumat itu sendiri. Ditambah pula, ledakan maklumat digital dalam internet semakin luas dan mudah diakses; kebergantungan sebilangan masyarakat terhadap pustakawan kini kian menyusut. Menurut kajian oleh Library Journal, & Gale Cengage Learning (2015) mendedahkan bahawa satu pertiga (1/3) golongan ahli akademik di Universiti-universiti Amerika Syarikat kini tidak memerlukan bantuan Pustakawan dalam menjalankan aktiviti rutin berkaitan hal ehwal akademik terutama dalam aspek pencarian maklumat. Hal ini menampakkan betapa runcingnya kehilangan nadi kebergantungan masyarakat terhadap pustakawan terutama di negara yang maju infrastruktur digitalnya. Tidak mustahil perkara ini akan terjadi kepada Malaysia juga.

Dengan itu, beberapa tindakan yang holistik perlu dirangka untuk dilaksanakan oleh setiap Pustakawan bagi menyuburkan kembali nadi kebergantungan bidang

kepuustakawanan dalam setiap hati golongan masyarakat daripada peringkat atasan sehingga golongan terke bawah. Berikut adalah antara langkah yang boleh diambil.

Meramaikan personaliti berpengaruh dikalangan Pustakawan

Secara umumnya, setiap lapisan masyarakat di Malaysia memperlihatkan bentuk personaliti yang berbeza-beza terutama dari aspek nilai pengaruh. Nilai pengaruh ini pula boleh diukur sama ada dari sudut positif mahupun negatif. Dari sudut positif, kemampuan seseorang personaliti yang berjaya meluaskan pengaruhnya akan membawa masyarakat ke arah kehidupan sosial yang lebih baik. Manakala daripada sudut negatif pula, masyarakat akan terjerumus ke lembah kemusnahan kehidupan sosial yang tidak stabil (Cialdini, R. B., & Trost, M. R., 1998). Lazimnya, golongan kelas atasan lebih dominan memaparkan personaliti berpengaruh yang hebat latar belakangnya berbanding lain-lain lapisan masyarakat. Hal ini kerana golongan kelas atasan itu sendiri tentunya terdiri daripada kelompok pemerintah dan tokoh masyarakat yang tinggi darjatnya dalam kedudukan strata sosial masyarakat Malaysia. Golongan kelas atasan ini mempunyai kuasa dari segi membuat keputusan, mengurus sumber kewangan dan bertanggungjawab merangka hala tuju sesebuah organisasi dalam membantu membangunkan sesebuah negara ke arah yang lebih baik atau sebaliknya. Walaubagaimanapun, jumlah bilangan golongan kelas atasan dalam struktur sosio-budaya masyarakat Malaysia adalah kecil.

Bagi golongan kelas menengah pula, bilangan personaliti berpengaruh adalah kurang meskipun angka keseluruhan menunjukkan jumlah bilangannya dalam masyarakat adalah lebih ramai berbanding golongan atasan. Oleh sebab jumlahnya yang ramai, golongan ini dilihat sebagai penentu kuasa politik kepimpinan negara yang dipilih secara demokrasi (Din, H.A.H.M., Stapa, Z., Ismail, A.M., & Yahya, S.A., 2013). Kebanyakan personaliti berpengaruh dikalangan golongan kelas menengah boleh dilihat dari segi jenis bidang kerjaya yang diceburi oleh golongan itu sendiri. Ahli peniagaan dan peguam adalah contoh golongan kelas menengah yang ramai personaliti berpengaruh. Pustakawan juga sebenarnya ada personaliti berpengaruh, namun bilangannya perlu ditingkatkan. Personaliti berpengaruh dikalangan pustakawan amatlah perlu supaya bidang kepuustakawanan mendapat mandat kepercayaan daripada golongan atasan, menengah dan terke bawah secara menyeluruh. Pustakawan perlu membina nilai personaliti yang lebih baik dari segi lahiriah dan batiniah untuk membina pengaruh. Pengaruh dibina berdasarkan kebolehppercayaan dan kekaguman masyarakat terhadap ilmu kepakaran dan kejayaan yang dikecapi.

Memperkasa gerak kerja advokasi secara bersama

Gerak kerja advokasi adalah satu tindakan bersama oleh sebilangan kelompok masyarakat dalam memperjuangkan perubahan sosial yang lebih baik dan bertindak secara bersepadu untuk mendapatkan sesuatu keprihatinan daripada pihak berkuasa beserta dengan pengiktirafan dari segi undang-undang (Sabatier, P. A., 1988). Pustakawan di negara maju terutama di negara-negara Eropah sudah lama menyertai aktiviti advokasi bersama-sama dengan masyarakat bagi memperjuangkan sesuatu ketidakadilan dan kesamarataan. Contohnya, advokasi menuntut perubahan undang-

undang berkaitan dengan hak cipta. Di negara-negara Eropah, undang-undang hak cipta berada dalam situasi yang terlalu ketat dan ianya adalah penyebab menyukarkan perkongsian maklumat sesama perpustakaan kepada golongan terkebahawah. Syarikat penerbit dan pengeluar maklumat pula lebih gemar menjual pakej maklumat dengan kadar caj yang tinggi bagi sekali akses untuk seseorang individu (Breindl, Y., & Briatte, F., 2013). Majoriti pustakawan di negara tersebut berasakan hal sebegini tidak seharusnya berlaku. Pustakawan di negara tersebut juga berasakan hal ini tidak adil kepada masyarakat yang mahukan akses maklumat yang lebih mudah dan dikongsi secara lebih meluas. Hal ini bagi membolehkan penyampaian ilmu dilakukan dengan kadar kos yang rendah dan percuma tanpa birokrasi. Mereka tidak berputus asa menuntut hak yang lebih adil berkaitan perkongsian maklumat serta memohon kelonggaran dalam undang-undang hak cipta terutama daripada segi meluaskan keperluan “fair use” (Andersdotter, K., 2015). Pustakawan di negara tersebut juga telah mengorak langkah kehadapan dengan berkolaborasi bersama ahli parlimen Eropah yang mempunyai nada kepercayaan yang sama memperjuangkan isu tersebut. Ahli parlimen Eropah yang dimaksudkan ialah Julia Reda. Dengan kerjasama tersebut, usaha untuk mengubah akta sedia ada melalui kuasa Parlimen Eropah dapat direalisasikan. Dalam hal sebegini, pustakawan dan sebilangan masyarakat sebenarnya dilihat mampu bekerjasama dan tidak meminggirkan antara satu sama lain malah boleh bersatu dalam memperjuangkan sesuatu isu kemasyarakatan.

Selain itu, terdapat juga gerakan advokasi program kemasyarakatan yang menitikberatkan nilai keceriaan dan nilai kebajikan. Sumbangan tenaga dan harta benda kepada golongan yang tidak berkemampuan adalah satu gerakan kemasyarakatan yang sering diperjuangkan. Dalam hal ini, penglibatan pustakawan di Malaysia sebenarnya dilihat masih kurang menonjol. Antara punca yang dikesan adalah terdapat kumpulan-kumpulan kecil yang bergerak melaksanakan program sebegini tanpa kelolaan secara berpusat. Bagi mengatasi kekurangan itu, pustakawan di negara ini disarankan perlu lebih lagi meningkatkan gerak kerja secara kolektif untuk menjayakan program kemasyarakatan. Antara langkah yang baik adalah dengan menyatukan kumpulan-kumpulan kecil yang sedang aktif di seluruh negara ini dengan satu jenama yang lebih jelas dan menonjol agar ianya dapat dikenali oleh masyarakat dengan lebih baik. Keanggotaan pustakawan dalam sesuatu program advokasi kemasyarakatan pula perlu diperluaskan kepada bukan saja tertumpu kepada perpustakaan awam sahaja malah perpustakaan swasta yang lain juga.

Kolaborasi melaksanakan penyelidikan rentas bidang.

Bersama-sama melakukan penyelidikan rentas bidang. Satu saranan yang baik oleh Mantan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin kepada penyelidik di Universiti Sains Malaysia satu ketika dahulu. Saranan ini amat baik dalam mencari titik keseimbangan agar disiplin sains, teknologi dan kemanusiaan dapat diperkembangkan secara bersepadu (Pejabat Perhubungan Awam, U.S.M., 2012). Saranan ini juga sesuai diadaptasi kepada semua pustakawan yang sedang berkhidmat di perpustakaan besar mahupun kecil malah sukarelawan juga patut libatsama dalam penyelidikan rentas bidang ini. Pustakawan pada zaman kini sebenarnya perlu berubah dan harus melakukan penyelidikan rentas bidang. Ianya perlu dilakukan dengan kaedah

yang lebih terkehadapan dengan kerjasama golongan penyelidik dan industri. Contohnya, pustakawan boleh bekerjasama dengan penyelidik melaksanakan projek membangunkan peralatan teknologi yang berkos rendah untuk kegunaan perpustakaan. Projek membangunkan peralatan teknologi sebegini sudah tentu melibatkan pakar bidang daripada kejuruteraan, sains komputer dan beberapa bidang berkaitan. Apabila sesuatu peralatan teknologi tersebut berjaya dibangunkan, usahasama perkongsian pintar pula perlu dilaksanakan secara meluas dan kolektif di semua perpustakaan. Namun, gerak kerja perkongsian pintar ini perlu dilaksanakan dengan teliti dan berkesan.

Mengadaptasi Pelaksanaan Audit Perjawatan untuk semua Perpustakaan

Audit perjawatan telah disaran untuk dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan sejak tahun 2013. Hal ini bagi memastikan integriti perjawatan dan penggunaan sumber manusia yang optimum dapat dilakukan (Kerajaan Malaysia: Perbendaharaan Malaysia, 2015). Perkara sebegini amatlah baik sekiranya setiap organisasi sama ada agensi kerajaan mahupun organisasi kecil swasta yang mempunyai bidang kerja berkaitan dengan pengurusan maklumat terutama di perpustakaan dapat juga mengadaptasikan pelaksanaan audit perjawatan ini. Pelaksanaan audit seperti ini seharusnya dilakukan sekurang-kurangnya lima (5) tahun sekali. Hal ini adalah perlu bagi memastikan kelangsungan skop kerja bidang sains maklumat tidak dilakukan oleh pekerja yang tiada tauliah. Hal ini juga perlu bagi memastikan kredibiliti bidang sains maklumat tidak diceroboh oleh ahli bukan bidang yang tidak berkaitan. Landskap perjawatan daripada peringkat atasan hingga ke bawah perlu diselidik sama ada seseorang itu layak daripada segi pengiktirafan akreditasi pendidikan daripada mana-mana institusi pengajian tinggi, tahap ilmu pengetahuan, nilai kepimpinan dan juga kemahiran. Satu badan khas melalui Persatuan Pustakawan Malaysia yang layak melakukan audit perjawatan dalam bidang sains maklumat juga perlu ditubuhkan.

Penutup

Kesimpulannya, pustakawan perlu memperkasa strategi pelaksanaan yang lebih jitu agar pelbagai lapisan masyarakat dapat mendekati diri kembali kepada perpustakaan. Tambahan pula, pustakawan perlu mengadaptasi perubahan yang sesuai dengan keperluan golongan kelas atasan, kelas menengah dan terkebawah daripada segi pengaruh, kompetensi dan penyampaian perkhidmatan. Pustakawan perlu bersatu melaksanakan gerak kerja melalui persatuan terutama dalam perihal menasihati majikan dan pembuat keputusan agar dapat melantik seseorang individu yang hanya ada pengiktirafan pendidikan tinggi dalam bidang kepustakawanan saja diberikan tanggungjawab mengurus organisasi perpustakaan. Selanjutnya, pustakawan tidak seharusnya putus asa berusaha untuk terus mengukuhkan profesionalisme setaraf dengan bidang professional lain terutama bagi sektor yang telah diiktiraf perundangan negara. Usaha yang padu perlu terus dirangka semula dan dilaksanakan untuk membantu meningkatkan kewibawaan bidang kepustakawanan.

Rujukan:

- Andersdotter, K. (2015). *Cross-border Copyright: European libraries re-thinking the InfoSoc Directive*. (Master), Uppsala Universitet, Uppsala, Sweden.
- Breindl, Y., & Briatte, F. (2013). Digital protest skills and online activism against copyright reform in France and the European Union. *Policy & Internet*, 5(1), 27-55.
- Cialdini, R. B., & Trost, M. R. (1998). Social influence: Social norms, conformity and compliance.
- Din, H. A. H. M., Stapa, Z., Ismail, A. M., & Yahya, S. A. (2013). Pendekatan nilai dalam memilih kepimpinan politik: kajian tinjauan dalam kalangan kelas menengah melayu pasca dasar ekonomi baru. *Jurnal Hadhari*, 6(2), 71-84.
- Greenwood, A. M. (2004). *Updating the International Standard Classification of Occupations, ISCO-08*: UN.
- Kerajaan Malaysia: Perbendaharaan Malaysia. (2015). *Pekeliling Perbendaharaan Malaysia: Garis panduan bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2017*. Putrajaya, Malaysia: Retrieved from <http://www.treasury.gov.my/pekeliling/arkib/PB1.3-1.pdf>.
- Library Journal, & Gale Cengage Learning. (2015). Bridging the Librarian-Faculty Gap in the Academic Library. from https://s3.amazonaws.com/WebVault/surveys/LJ_AcademicLibrarySurvey2015_results.pdf
- Pejabat Perhubungan Awam, U. S. M. (2012). USM disaran pacu penyelidikan rentas bidang. Retrieved May, 6, 2016, from <http://202.170.56.249/index.php/ms/arkib-berita/9765-usm-disaran-pacu-penyelidikan-rentas-bidang.html>
- Sabatier, P. A. (1988). An advocacy coalition framework of policy change and the role of policy-oriented learning therein. *Policy sciences*, 21(2-3), 129-168.